

# Empangan susut hampir dua peratus

**Kuala Lumpur:** Takungan empangan Bukit Kwong di Kelantan dan empangan Bukit Merah, Perak yang berada pada tahap kritikal didapati menyusut hampir dua peratus.

Berdasarkan laman Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), simpanan air di empangan Bukit Kwong merosot kepada 6.91 peratus berbanding 7.81 peratus sebelum ini.

Manakala empangan Bukit Merah yang dilaporkan naik kelmarin mengalami penurunan semalam apabila stok air yang tinggal adalah 12.31 peratus berbanding 14.15 peratus.

Empangan lain yang kritikal iaitu di Padang Saga, Kedah kekal pada paras takungan sama iaitu

39.63 peratus.

Ia termasuk empangan Timah Tasoh, Perlis yang mana isi padu air masih kekal pada paras 37.84 peratus.

Sementara itu, laman Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sehingga kelmarin merekodkan Kelantan masih mencatat bilangan hari paling lama tidak menerima hujan iaitu 24 hari di Kota Bharu dan Machang.

Selain dua kawasan itu, Pasir Mas juga antara yang lama tidak menerima hujan iaitu 11 hari.

Selain Kelantan, empat lagi negeri tidak menerima hujan iaitu di Besut, Terengganu dan Mersing, Johor masing-masing selama 11 hari serta 16 hari di Kudat, Sabah dan Raub, Pahang selama 10 hari.